

UPM didik pelajar pulihara alam sekitar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan terus memberi peluang kepada pelajar seluruh negara untuk mengikuti program berbentuk pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan generasi muda hari ini disediakan maklumat lengkap mengenai usaha berkenaan.

Malah selepas program yang diadakan 29 tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan, UPM kini lebih kreatif menawarkan program bukan hanya tertumpu kepada aktiviti kuiz semata-mata malah ia diolah menjadi aktiviti luar bilik darjah.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Abu Bakar Salleh, berkata program kali ini lebih berbentuk aktiviti luar bagi mendedahkan peserta kepada persekitaran secara lebih dekat.

Beliau berkata, program yang dikenali sebagai Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) 2007 itu memberi peluang kepada semua peserta daripada sekolah menengah seluruh negara menyertainya.

Program perkhemahan buat pertama kali itu, katanya, digantikan dengan aktiviti kuiz dan bengkel alam sekitar sejajar dengan temanya tahun ini iaitu Hutan Sebagai Sumber Khazanah Alam.

"Pendedahan kepada aspek alam semula jadi adalah pendidikan penting kepada pelajar kerana setiap hari manusia terdedah kepada alam sekitar.

"Sehubungan perkara berkaitan, manusia perlu lebih peka kepada kepentingan alam untuk kesinambungan hidup berkualiti," katanya ketika ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Pemuliharaan secara berkekalan itu, kata Abu Bakar bukan saja membolehkan generasi muda menyediakan kehidupan yang lebih baik, malah dapat menjelaskan khazanah dan warisan negara untuk generasi akan datang.